

ANALISA BORANG MAKLUMBALAS PESERTA


"BISNES HALAL SATU JIHAD"

OLEH YBHG TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

SEMINAR INDUSTRI HALAL NEGERI KELANTAN 2009
"HALAL SATU IBADAH"
DEWAN BESAR, BALAI ISLAM, LUNDANG, KOTA BAHRU, KELANTAN
PADA 12 JULAI 2009 (AHAD)

Jumlah edaran : 200 Borang
Dikembalikan : 133 Borang (66.5%)

SOALAN 1 : ADAKAH CERAMAH YANG DISAMPAIKAN OLEH PENCERAMAH DAPAT DIFAHAMI DENGAN JELAS?



Skala

1	-	0	(0%)
2	-	1	(0.8%)
3	-	6	(4.5%)
4	-	52	(39.1%)
5	-	74	(55.6%)

SOALAN 2 : APAKAH PANDANGAN ANDA DENGAN TOPIK CERAMAH YANG DISAMPAIKAN?

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
1	Amat sesuai sekali pada zaman ini kerana sekarang terlalu banyak syarikat kecil dan dalam negara yang cuba mmeperdayakan umat Islam dengan pemakanan yang kurang halal	Mazlan Bin Kassim
2	Sangat berkesan dan berpandangan jauh dan terkini. Memberi ilmu dan pengetahuan yang bernilai buat usahawan yang hadir.	-
3	Sesungguhnya padat dan menaikkan semangat usahawan bumiputera seperti saya. Saya bangga bangsa saya berjaya	Nooriha Bte Ahmad
4	Sungguh terperinci termasuk dalam perniagaan kecil hingga ke antarabangsa. Tan Sri sudi berkongsi pengalamannya untuk kami semua. Saya salah seorang peniaga kecil jadi saya rasa berbangga dapat mendengar ceramah dari Tan Sri sebagai satu petunjuk dan pengajaran yang baik untuk saya	Hazlina Syahida Bte Darat
5	Menggalakkan orang Melayu memajukan lagi bisnes masing-masing dengan pelbagai sokongan dengan JIHAD dalam perniagaan. Menambahkan kepada saya sendiri untuk anak-anak di masa hadapan dalam perniagaan	Rosmaizan Che Abdullah
6	Sungguh bermanfaat dan memberi penjelasan yang boleh memberi panduan dan galakan kepada badan kerajaan seperti PKNK mencontohi JCORP	Datin Wan Kamariah Hussin
7	Topik Bisnes Halal Satu Jihad dapat meningkatkan bisnes yang sedia ada dengan lebih baik.	Maizatul Azida Bt Sidik
8	Sangat baik, berkesan, bermatlamat dan mempunyai wawasan yang jelas hendak dicapai perkembangan ekonomi Malaysia dan dunia	Ahmad Shukri Abd Rahman
9	Sangat baik, dapat memberi kesedaran untuk bisnes. Umat Islam dan mengenali diri sendiri yang bangga dengan nama Islam tapi bantu orang bukan Islam.	Muhammad Zaki Bin Muhammad Zain
10	Amat sesuai dengan topik yang disampaikan oleh penyampai.	Mamat Nasri Musa
11	Ia dapat memahami dengan jelas dan berkesan tentang industri halal adalah satu ibadah.	Faizal Bin Husin
12	Dapat memberi semangat di dalam memperjuangkan jihad perniagaan di dalam kehidupan perniagaan	Rosli Hassan
13	Sangat berkesan dan banyak pendedahan-pendedahan baru tentang jihad bisnes.	Anuwa Safiai

SOALAN 3 : ADAKAH ANDA BERSETUJU DENGAN JIHAD BISNES DAN WAQAF KORPORAT YANG DIKEMUKAKAN? MENGAPA?

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
1	Saya amat berpuas hati dengan jihad halal haram makanan kerana dapat pengajaran kepada umat Islam	Noraini Bte Abdul Rahman
2	Amat bersetuju dengan jihad bisnes untuk membangun ekonomi dan umat Islam	Siti Firdaus Bte Salleh
3	Setuju kerana ia satu tuntutan agama demi kepentingan ummah masyarakat	Zairos Fadiela Bte Zainal Abidin
4	Setuju kerana ia bukan saja bermanfaat untuk seseorang individu malah untuk orang lain dan dapat membantu masyarakat miskin.	Rasyaidah Bte Hashim
5	Setuju, kerana kita harus melakukan perkara atau perniagaan dengan jujur, ikhlas, tanggungjawab dan memberkati produk halal dalam semua hal	Noraini Bte Hussain
6	Ya kerana dapat membangunkan bisnes yang halal di mana mengikut landasan yang ditetapkan dan dapat mengembangkan lagi peluang kepada semua orang walau di mana berada	Maizatul Azida Sidik
7	Ya kerana jihad bisnes merupakan satu bisnes halal yang patut diamalkan oleh seseorang usahawan.	Aida Salwani Bte Razali
8	Setuju! Perjuangan Bisnes keperihalhan ummah dan menggunakan kuasa korporat memperbaiki dunia semula.	Wan samsiah Wan Mohd Nor
9	Saya amat bersetuju kerana dari segi usahawanan Islam apabila berjaya sekurang-kurangnya tidak lupa kepada agama untuk keluar zakat iaitu mengingati orang-orang miskin.	Siti Rohana Hassan
10	Saya sangat bersetuju dengan jihad Bisnes dan waqaf korporat kerana dengan ini kita mendapat rezeki dan harta yang bersih dari usaha kita dengan membayar zakat	Norma Mat
11	Ya saya bersetuju kerana dapat membantu dalam memajukan bisnes	Che Layah Ismail
12	Setuju sangat. Sepatutnya sudah lama dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri demi kekuatan ummah.	Datin Wan Kamariah Hussin
13	Ya kerana jihad bisnes dan wakaf dan kesedaran sektor ekonomi dan jihad di kalangan umat Muslim amnya dan ahli bisnes keseluruhannya.	Mek Som Berahim
14	Sangat bersetuju. Kesatuan dan kemajuan Islam lebih jauh ke hadapan.	Mohd Izuddin Mohammad

15	Amat bersetuju. Umat Islam hari ini perlu memberi dalam semua impak perniagaan dan mengembangkannya ke tahap tertinggi memandangkan ekonomi hari ini adalah dikuasai oleh orang bukan Islam.	Ahmad Ashraff Jaafar
16	Bersetuju boleh menembusi pasaran perniagaan asing memberi peluang kepada orang miskin.	Hood Mohd Ariifin
17	Amat bersetuju kerana amat penting bagi umat Islam	Zakaria Abdul Rahman
18	Bersetuju. Ini kerana jihad bisnes ini berlandaskan cara Islam.	Nik Saparia Nik Man
19	Ya saya setuju kerana jihad ini dapat memberi manfaat kepada diri kita dan orang lain.	Muhammad Anang
20	Saya bersetuju dengan Jihad Bisnes dan waqaf korporat yang diadakan ini.	Sharifah Bte Mohammad
21	Saya bersetuju dan berterima kasih mengetahui lebih mendalam jihad dalam Islam dan segala perniagaan kami diredhai Allah.	Nik Yam Bte Harun
22	Setuju untuk pembangunan ummah Islam di Malaysia khususnya amnya di dunia	Hj Azizon Hj Abdullah
23	Ya. Sebab kita perlu berusaha untuk mewujudkan dan meningkatkan bisnes kita daripada yang kecil kepada lebih besar dan berdaya saing	Zainaici Hassan
24	Amat setuju supaya di dalam menjalankan perniagaan Islam ianya sentiasa dengan penuh amanah.	Salwani Hassan
25	Memberi peluang pandangan yang tepat tentang perjuangan jihad bisnes yang fleksibel memasuki pasaran global yang betul berjihad dalam perniagaan dalam Islam dan kuasa ekonomi.	Norasikin Mat Dahan
26	Ya, contoh kepada simbol jihad, umat Islam. Dapat membantu masyarakat tidak kira bangsa. Memperluas umat dan automatik, dapat pahala.	Suzana Md Arif
27	Ya, amat bersetuju sekurang-kurangnya umat Islam tahu halal haram makanan kita seharian.	Rakiah Abdul Rahman
28	Bersetuju keuntungan yang dijanakan tidak akan berada di dalam tangan individu tetapi membantu orang lain	Mohd Nazirip Mohd Nazman
29	Dapat membantu orang-orang Islam dan melahirkan produk yang berkualiti serta halal	Muhammad Zaki Bin Muhammad
30	Ya, sangat bersetuju kerana kami yang berada di bawah ini ramai yang kecundang akibat persaingan perniagaan. Melalui waqaf korporatlah kami ingin mengadu permasalahan.	Zamri Bin Saleh
31	Ya kerana halal itu lebih luas. Bukannya ada logo halal itu hanya suci atau elok. Ianya mesti ketahui keseluruhan punca halal itu.	Tn. Aziz Tn. Soh

32	Saya amat bersetuju kerana ianya meliputi apa yang disarankan dalam Islam	Suhaidah Suhaimi
33	Ya sangat bersetuju sesungguhnya untuk memartabatkan perniagaan umat islam, bangsa dan negara	Nooriha Bte Ahmad
34	Setuju dan ia adalah satu cara dalam Islam sambil mengerjakan kekayaan kita perlu tanam sikap prihatin kepada umat Islam yang lain untuk meningkatkan lagi ekonomi agar mereka tidak terus dibelenggu kemiskinan. Kita perlu memberi manfaat kepada orang lain.	Siti Nurashikin Bt Mohd Ghazali.
35	Sangat bersetuju kerana ianya telus dan ianya membawa kejayaan besar kepada umat Islam dunia	-
36	Setuju. Boleh membantu orang miskin supaya berniaga kecil-kecil dahulu. Jika boleh menolong memberikan sedikit modal bagi memulakan perniagaan dan membayar balik semula modal tersebut	Rosmaizan Che Abdullah
37	Menyedarkan umat Islam bahawa kekayaan bukan milik kita. Bahawa apa yang kita miliki ialah pemberian Allah. Bisnes untuk kita semua	Azman Bin Abdul Rejab
38	Tepat sekali saya amat bersetuju sekali, kita harus berjuang. Ini adalah ibadah kepada umat manusia yang beragama Islam kerana terlalu banyak sumber-sumber pemakanan dan produk yang berjenama dari luar yang tidak halal dan banyak syarikat-syarikat membuat penipuan tentang pemakanan sedangkan kita negara Islam tidak semakin berjihad untuk berniaga dengan pemakanan yang halal	Mazlan Bin Hasshim
39	Setuju. Sebab jihad bisnes dapat menghasilkan makanan yang berkualiti dan dapat menjawab perkara-perkara haram	Tesah Bte Jusoh
40	Setuju. Kerana dapat memberi manfaat kepada semua tidak mengira kaum dan secara tidak langsung memberi gambaran yang baik kepada banyak cara lain tentang ahli korporat yang melaksanakan sistem Islam.	Wan Mohd Agos Wan Md. Zain
41	Saya bersetuju dengan jihad bisnes dan waqaf korporat yang dikemukakan.	Mamat Nasri Musa
42	Ya kerana ia dapat memberi peluang kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bekerjasama antara satu sama lain.	Faizal Bin Husin
43	Ya, kerana ianya satu perjuangan bersama dalam membangunkan ekonomi Islam.	Azman Bin Mohd Kamel
44	Memang bersetuju sebab melalui jihad dalam perniagaan inilah akan mendatangkan sumber pulangan yang bersih dan diberkati Allah.	Rosli Hassan

SOALAN 4 : PANDANGAN / CADANGAN ANDA KEPADA PENCERAMAH / JOHOR CORPORATION?

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
1	Keraplah seminar supaya kami tidak lupa pada halal haram makanan	Noraini Abdul Rahman
2	Idea bijak kerana mempunyai satu falsafah bisnes yang jelas sesuai dengan ajaran agama Islam	Zairos Fadiela Bte Zainal Abidin
3	Ceramahnya jelas dan lantang serta dapat mengubah pandangan saya	Rasyidah Bte Hashim
4	Jadikan bisnes kehidupan ekonomi, perjuangan bisnes kepentingan bijak. Kepentingan ekonomi.	Noraini Bte Hussain
5	Saya mencadangkan agar ceramah dapat dipanjangkan dan diadakan ceramah secara khusus agar dapat berkongsi peluang yang lebih luas dengan usahawan sedia ada dan bakal usahawan	Maizatul Azida Sidik
6	Penceramah ini berpotensi kerana dapat memberi ceramah dengan jelas	Aida Salwani Bte Razali
7	Memberi peluang dan bimbingan kepada usahawan dengan lebih jelas lagi.	Wan samsiah Wan Mohd Nor
8	Teruskan perjuangan bisnes halal satu jihad, untuk membimbing usahawan-usahawan kecil untuk terus maju mengikut lunas-lunas agama.	Siti Rohana Hassan
9	Cadangan saya dengan Johor Corp. semoga terus berjaya dan dapat membantu kepada yang memerlukan dalam bisnes serta mendapat kejayaan dan contoh seperti Dato'	Norma Mat
10	Dapat menjayakan ceramah dengan baik dan menepati matlamat bisnes halal satu jihad	Che Layah Ismail
11	Patut dilebarkan sayap terutamanya di Kelantan yang majoriti penduduknya umat Islam dan Melayu	Datin Wan Kamariah Hussin
12	Supaya diadakan lagi seminar seperti ini dan penceramah Johor Corporation cukup berkualiti.	Mek Som Berahim
13	Peruntukan lebih banyak masa kepada penceramah, isi kandungannya masih tertinggal dan tidak diterapkan.	Mohd Izuddin Mohammad
14	Teruskan usaha murni dan bantulah usahawan bumiputera Islam.	Ahmad Ashraff Jaafar
15	Dalam memartabatkan bumiputera dengan memberi peluang-peluang peniaga atau 'list up' apa peluang perniagaan yang perlu dipamerkan kepada melayu Islam	Hood Mohd Ariffin

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
16	Saya sangat puas hati dengan penyampaian penceramah berkenaan.	Zakaria Abdul Rahman
17	Ceramah sangat jelas	Nik sapara Nik Man
18	Cadangan saya semoga datang lagi ke Kelantan untuk membantu usahwan Kelantan yang masih muda	Muhammad Anang
19	Cadangan saya memperluaskan lagi kempen ini ke kampung kami.	Sharifah Mohammad
20	Tingkatkan lagi penerangan secara menyeluruh untuk kesedaran ummah.	Hj. Azizon Hj Abdullah
21	Sentiasa memberi pengetahuan dan kesedaran kepada umat Islam di dalam memperjuangkan perniagaan di dalam landasan yang tepat	Salwani Hassan
22	Pandangan saya ia amat memuaskan dan memberi keyakinan bagi pendekatan yang meluas. Memberi kursus usahawan lepasan universiti mengenai pendekatan dalam jihad bisnes	Norsasikin Mat Dahan
23	Saya kagum dengan Tan Sri walaupun beliau sudah berumur namun masih belajar dan mencari ilmu tanpa jemu. Tan Sri sungguh berilmu dan berpengetahuan. Saya sungguh teruja.	Hazlina Syahida Darat
24	Amat bagus jika boleh datang lagi sebagai penceramah bebas	-
25	Terangkan cara-cara untuk terlibat dengan jihad bisnes atau bagaimana untuk terlibat dengan keusahawanan	Shokri Said
26	Seorang tokoh ekonomi yang berjiwa waja, jujur, berani bersemangat rapat dituntut oleh Islam. Dicadang supaya tokoh ini dinobatkan sebagai Tokoh Ekonomi Islam di Malaysia	Mohd Suhaimi
27	Sangat baik dan patut lebih kerap memberi ceramah-ceramah seperti di atas	Ahmad Shukri Abdul Rahman
28	Perlu diketengahkan lagi demi menyedarkan umat Islam. Supaya terus maju dan JCorp jadi idola umat Islam untuk membantu umat Islam	Mohd Hanim Mamat
30	Adakan ceramah khusus untuk peserta, adakan buku panduan bagi peserta yang mengikuti seminar atau klinik usahawan	Noorina Bte Ahmad
31	Penceramah seorang pakar motivasi yang istimewa dan harap dapat lebih kerap datang memberi tunjuk ajar kepada usahawan Islam Kelantan	Nasri Nawi
32	Memberi peluang kepada usahawan kecil berjinak-jinak dalam dunia korporat dalam saham kecil, menolong usahawan kecil untuk memasarkan produk melalui syarikat dalam	-

BIL	JAWAPAN "YA"	PESERTA
	Johor Corporation dengan sedikit bantuan kewangan untuk membantu dalam bidang pemprosesan makanan	
33	Saya mencadangkan supaya syarikat yang besar dan berdaya maju. Mencari peniaga yang berdaya maju dan berpotensi seperti turun padang. Ini kerana syarikat kecil pembuat makanan berdaya maju ini perlu bimbingan dan sokongan. Supaya niat kita untuk agama Islam itu ikhlas dan jujur dan hanya Allah Taala yang akan memberi kepada kita.	Mazlan Bin Hashim
34	Seorang yang hebat dalam memperjuangkan perniagaan berasaskan Islam sejagat.	Mohammad Salahuddin B. Mohammed Masrom
35	Pandangan amat bagus dan berkesan dapat meningkatkan pengetahuan dan pandangan yang mendalam dari segi bisnes dan halal.	Mamat Nasri Musa
37	Saya cadangan supaya seminar seperti ini diteruskan di masa akan datang.	Ayub Bin Said
38	Pada pandangan saya ianya berkesan dan dapat diteruskan lagi program industri halal di masa akan datang.	Faizal Bin Husin
39	Teruskan perjuangan syariakt anda membangunkan bersama Islam.	Aman bin Mohd Kamel
40	Perlu diadakan lagi dan haruslah dipanjangkan sedikit masa yang memberikan ulasan yang lebih detail lagi.	Rosli Hassan